



## BAB PERTAMA

### SULH DALAM PERUNDANGAN ISLAM: KAJIAN DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR DARUL EHSAN (JAKESS)

#### 1.1. Latar Belakang Masalah Kajian

Pada penghujung tahun 2002, Aida Melly Tan Mutualib telah mengejutkan sistem kehakiman Syariah di Malaysia apabila menggambarkan bahawa pengeluaran surat cerainya oleh JAIS selepas enam tahun menunggu adalah sebagai satu "lambang kesengsaraannya". Satu tanggapan awal terhadap kenyataan itu ialah ketidakpuasan hati atas kelewatan mahkamah dalam menyelesaikan kes berkenaan sehingga ianya berlanjutan dalam tempoh yang agak panjang. Namun begitu, di sebalik cemuhani ini terdapat beberapa persoalan yang sebenarnya tidak disingkap secara saksama dan bijaksana oleh mereka yang mengaku cintakan keadilan sehingga menimbulkan polemik yang tidak berkesudahan. Sebagai jawapan kepada persoalan ini Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor telah mengulas :

"bahawa jika 'lambang kesengsaraan' itu ingin dikaitkan dengan proses permohonan di mahkamah, kita kena ingat di mahkamah bukan hanya terhad satu cara sahaja untuk mendapatkan hak-hak yang boleh dituntut, cara yang mudah dan segera dan ada cara yang sebaliknya, terpulang kepada cara mana permohonan itu dibuat. Adalah tidak adil jika kita memilih cara yang panjang kemudiannya menyalahkan Mahkamah Syariah apabila kes kita lambat diselesaikan".<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Ulasan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 10/11/2002 dalam akhbar Mingguan Malaysia, h. 9

Pada hakikatnya perundangan bukanlah satu-satunya langkah terbaik dalam pengendalian pertikaian keluarga, tetapi ia boleh menjadi langkah terakhir bagi tujuan menentukan kebijakan dan keadilan ahli-ahli keluarga yang bertikai. Dengan itu, penyelesaian perlu melibatkan perundingan. Namun demikian, masyarakat yang sudah terdidik dengan kefahaman dan amalan sedemikian, menganggap mahkamah atau lebih spesifiknya proses pengadilan melalui perbicaraan adalah prosedur yang paling berautoriti bagi menyelesaikan tuntutan dan seterusnya menegakkan keadilan bagi pihak mereka. Agak sukar untuk mengubah persepsi ini, namun masyarakat perlu dimaklum dan diberi kefahaman serta kesedaran tentang kebaikan menyelesaikan pertikaian tanpa melalui proses perbicaraan di mahkamah.

Umumnya pemakaian kaedah pemuaafakan atau perundingan secara damai dalam menyelesaikan pertikaian bukanlah perkara baru dalam sistem pengadilan Islam. Ia merupakan kaedah utama dalam menyelesaikan pertikaian. Dalam hal ini ‘Umar al-Khaṭṭāb pernah menegaskan: “Kembalikanlah pertikaian sehingga mereka berdamai kerana sesungguhnya keputusan yang dibuat di mahkamah pengadilan akan meninggalkan kesan dendam di antara manusia”.<sup>2</sup> Sebaliknya sistem perbicaraan di mahkamah merupakan rujukan terakhir setelah gagal mencapai penyelesaian secara sulh.

Berlitigasi melalui mahkamah bukanlah suatu yang mudah. Sebagai suatu mekanisma untuk menyelesaikan pertikaian, litigasi lebih kompleks dan rumit. Dalam proses ini pihak-pihak terpaksa bersikap defensif dan ofensif untuk mendapat atau

<sup>2</sup>Abū Bakr ‘Abd al-Razzāq bin Ḥammām al-Ṣan‘ānī, *al-Muṣannaf*, Manshūrāt Majlis al-‘Ilmī, j. 8, h. 303-04 باب ملء القاضي الخصم حتى يحصلوا No. athār: 15304

mempertahankan hak masing-masing. Pada kebiasaannya litigasi memerlukan masa penyelesaian yang panjang kerana pihak-pihak perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selain daripada persiapan mental dan fizikal untuk menghadapi proses tersebut, seseorang yang ingin berlitigasi juga perlu menampung kos-kos tertentu yang telah ditetapkan oleh mahkamah. Jika pihak-pihak tidak mampu untuk menguruskan kes secara bersendirian mereka terpaksa menggunakan khidmat peguam yang juga perlu dibayar kos perkhidmatannya.

Dalam keadaan ini, meskipun mahkamah berfungsi sebagai institusi yang membuat keputusan terhadap kes-kes yang dipertikaikan namun ia tidak semestinya dicapai melalui prosiding di hadapan hakim sahaja. Dengan lain perkataan, menghadiri prosiding di hadapan hakim merupakan salah satu dari beberapa mekanisma yang ada bagi menyelesaikan pertikaian. Di samping itu penyelesaian juga boleh dicapai atas dasar persetujuan bersama atau suhu di antara pihak-pihak tanpa perlu melalui proses litigasi. Hakikatnya, meskipun pertikaian sudah dirujuk ke mahkamah, individu atau pihak-pihak bertikai berhak menentukan cara dan bagaimana mereka mahu menyelesaikan pertikaian tersebut samada berlitigasi atau berunding secara damai.

Dalam konteks yang lain, banyak kritikan dan rungutan diterima daripada pelbagai pihak yang menyatakan bahawa terdapat kelemahan dalam pengurusan kes-kes terutama dari sudut prosedur di Mahkamah Syariah.<sup>3</sup> Bagi mereka kelemahan-

<sup>3</sup>Sebagai contoh, lihat Utusan Malaysia 28hb Mei 2001; Mahkamah Syariah, Mahkamah Kelas Dua?, Berita Harian 3hb Mei 2001: Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Masih Hodoh, Berita Harian 26hb Julai 2002; Kes Cerai: Sultan Selangor Tegur Mahkamah Syariah, Berita Harian 23 hb Jun 2002 ; Wanita Harap Keadilan Di mahkamah Syariah, Berita Harian 8hb Oktober 2000; Wanita

kelemahan ini boleh menjaskan prinsip keadilan di mahkamah. Antara yang paling utama ialah kegagalan menyelesaikan kes secara cepat dan berkesan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya penangguhan kes dalam tempoh yang begitu lama dan seterusnya menyebabkan kes-kes tertunggak (*cases backlog*). Umpamanya kes-kes perceraian yang membabitkan suami isteri yang sudah tidak sehaluan, sering berlanjut begitu lama hingga ketahap yang tidak boleh diterima oleh kedua-dua pihak. Adalah diakui bahawa kelewatan menyelesaikan kes boleh menjaskan prinsip keadilan (*justice delayed justice denied*).<sup>4</sup> Dalam hal ini Profesor Ahmad Ibrahim menyatakan bahawa antara faktor kelemahan pentadbiran kehakiman ialah dari segi prosedur. Ini adalah kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai kakitangan yang terlatih dalam bidang perundangan dan dirumitkan lagi dengan tiadanya undang-undang yang kemas dan lengkap mengenai prosedur.<sup>5</sup>

Perkembangan mutakhir menunjukkan reformasi yang agak menyeluruh telah dilaksanakan dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia untuk memperkemas dan memantapkan lagi institusi kehakiman Islam. Reformasi ini pada dasarnya bertujuan untuk meningkatkan lagi profesionalisme mahkamah dalam mengurus dan mentadbir kes-kes mal atau jenayah. Dalam konteks pengurusan kes-kes mal, satu draf undang-undang acara mal telah digubal di Wilayah Persekutuan dan dikenali sebagai Undang-Undang Tatacara Mal Wilayah Persekutuan. Sebagai langkah untuk mempercepatkan

---

Terus Tertindas, Berita Harian 12hb Ogos 2002; Banyak Kes Lewat Boleh Jejas Kredibiliti Mahkamah Syariah, Berita Harian 30hb Mei 2001; Peraturan Mahkamah Syariah Bercelaru, Berita Harian 12hb November 2002 Kritikan Terhadap Mahkamah Syariah Tidak Adil.

<sup>4</sup>Lihat laporan statistik terbaru penangguhan kes-kes di Mahkamah Syariah di Malaysia dalam Harian Metro Selasa, 10 Februari 2004. Jumlah kes perceraian meningkat kepada 15,144 pada tahun 2000 berbanding 12,707 kes pada tahun 1995.

<sup>5</sup>Ahmad Ibrahim (1997) "Acara Mal Syariah" dalam Ahmad Ibrahim *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 196

peyelesaian kes, sulh telah diperuntukkan dalam acara mal ini. Draf undang-undang acara mal ini belum dijadikan undang-undang di Wilayah Persekutuan tetapi telah diperuntukkan sebagai Kanun Prosedur Mal Syariah 1991 di Selangor (EKPMS 1991) dan sulh telah diperuntukkan dalam seksyen 87 enakmen berkenaan.<sup>6</sup>

Peruntukan sulh dalam EKPMS 1991 (ETMMS(S) 2003) walaupun mudah difahami, namun ia terlalu ringkas dan sukar untuk dipraktikkan. Dalam konteks ini, peruntukan seksyen 253 (1) (2) EKPMS 1991 yang menyebut “Apa-apa peruntukan atau tafsiran peruntukan di dalam Kanun ini yang berlawanan dengan kehendak Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan” dan “mengenai apa-apa perkara yang tidak ada, atau tidak diperuntukkan dengan nyata di dalam enakmen ini, Mahkamah hendaklah mengikut Hukum Syarak” hendaklah dirujuk.<sup>7</sup> Dengan perkataan lain, kekurangan yang ada dalam peruntukan ini akan dapat di atasi atau dikurangkan melalui rujukan kepada hukum syarak.<sup>8</sup>

Pada asasnya, al-Qur’ān dan hadith telah menggariskan secara umum, konsep sulh yang merangkumi semua pertikaian dalam hal-hal kenegaraan, kehartaan, kekeluargaan dan sebagainya. Perbahasan ini kemudiannya diditilkan oleh para juris klasikal dan kontemporari dalam penulisan-penulisan mereka. Cuma, kupasan mereka

<sup>6</sup>Seksyen 87 EKPMS 1991 memperuntukkan “Pihak-pihak dalam sesuatu prosiding digalakkan mengadakan sulh supaya menyelesaikan pertikaian mereka”. Enakmen ini telah dipinda dan dikenali sebagai Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 [selepas ini dikenali sebagai ETMMS (S) 2003] dan sulh diperuntukkan di bawah seksyen 99.

<sup>7</sup>Lihat peruntukan yang sama di bawah seksyen 245 (1) (2) ETMMS (Negeri Selangor) 2003 yang menyebut “Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tidak konsisten dengan Hukum Syarak adalah terbatas setakat yang ia tak konsisten itu” dan “jika terdapat lakuan atau jika apa-apa tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak”

<sup>8</sup>Selain dari rujukan kepada al-Qur’ān dan ḥadīth rujukan juga dibuat kepada kitab-kitab fiqh karangan para fuqaha’.

lebih tertumpu kepada pemakaian sulu dalam pertikaian mengenai harta. (*mu'amalat maliyyah*). Oleh kerana itu, usaha perlu dilakukan untuk memberikan gambaran yang komprehensif tentang pemakaian sulu dalam konteks pertikaian keluarga.

Bagi menyelaras serta memastikan keberkesanan pelaksanaan sulu seperti yang diperuntukkan di dalam Acara Mal negeri-negeri,<sup>9</sup> satu Kaedah Tatacara Mal (Sulu) telah didraf oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Kebangsaan.<sup>10</sup> Berdasarkan kuasa yang diberikan oleh seksyen 254 EKPMSS 1991 [s.247 (1) (c) ETMMS(S) 2003] Negeri Selangor telah mengambil tindakan positif dengan mewartakan Kaedah Tatacara Mal (Sulu) Selangor 2001 [KTM(S)S 2001] pada bulan Disember 2001 mengikut Warta Kerajaan Negeri Selangor - Sel. P.U.44. Prosedur ini telah beroperasi secara rasmi di mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negeri Selangor pada 1 Mei 2002. Penyelesaian secara sulu ini dicapai melalui proses pengantaraan atau dalam istilah *ADR* disebut mediasi. Prosedur ini dikendalikan oleh Pegawai Sulu yang berfungsi sebagai pengantara atau mediator yang membantu pihak-pihak berunding untuk mencapai penyelesaian.

Meskipun KTM(S)S 2001 telah digubal untuk menjelaskan lagi maksud kepada seksyen 87 peruntukan EKPMSS 1991 [s.99 ETMMS(S) 2003], namun ia lebih menjurus kepada tatacara atau prosedur yang perlu diikuti untuk melaksanakan sulu. Menurut satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 2002 bagi mengetahui punca

<sup>9</sup>Seksyen 87 hingga 93 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Selangor) No 7 / 1991 dan ss.87-93 Ordinan Acara Mal Syariah Syariah (Sarawak) (No.7 / 1991) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585) S. 94.

<sup>10</sup>Bahagian ini ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Induk Mengkaji Undang-Undang Syarak dan Sivil Bahagian Hal Ehwal Islam JPM. Lihat Mahmud Saedon (1998) A. Othman (1998) Institusi pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam , Kuala Lumpur: DBP, h. 260

kelewatan dalam mengendalikan kes-kes perceraian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor, suluhan telah dikenalpasti sebagai satu cara yang dapat mempercepatkan penyelesaian kes-kes perceraian. Bagaimana pun kajian ini tidak membuat analisa terperinci tentang beberapa faktor penting dalam pengendalian majlis suluhan seperti cara-cara pengendalian, bentuk-bentuk persetujuan suluhan dan kes-kes yang boleh diselesaikan secara suluhan dan dikategorikan sebagai berkesan sekiranya melalui majlis suluhan.<sup>11</sup>

### **1.2.Pernyataan Masalah Kajian**

Berdasarkan latar belakang masalah di atas, yang menjadi penekanan kepada kajian ini ialah konsep suluhan dalam hal kekeluargaan dan aplikasinya di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan (JAKESS). Kajian ini perlu menjelaskan dua persoalan berikut; iaitu pertama, apakah prinsip-prinsip suluhan menurut syarak dan kedua, adakah pemakaian suluhan di JAKESS menepati prinsip suluhan dalam Islam dan seterusnya berjaya mengatasi kelemahan-kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran kes-kes kekeluargaan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.

### **1.3.Objektif Kajian**

Berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas, objektif utama kajian ini ialah untuk:

---

<sup>11</sup>Laporan Fasa Pertama Kajian Kelewatan Dalam Pengendalian Kes-Kes Perceraian Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Negeri Selangor Darul Ehsan (1997-2002), Kajian Bersama Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Mahkamah Syariah Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, Biro Bantuan Guaman Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

1. Menentukan konsep umum sulu dan secara khusus pemakaianya dalam aspek kekeluargaan dengan merujuk kepada penulisan-penulisan, interpretasi dan pandangan-pandangan para juris tradisional (klasik) dan pengkaji-pengkaji kontemporari dalam sumber-sumber primari dan sekondari Undang-Undang Islam.
2. Mengenal pasti kaedah-kaedah yang digunakan dalam mencapai penyelesaian secara sulu dan menjelaskan perbezaan di antara kaedah-kaedah tersebut demi untuk mengelakkan kekeliruan yang timbul di kalangan masyarakat tentang sulu dan kaedah-kaedah lain seperti mediasi, *hakam* dan adjudikasi.
3. Menjelaskan kedudukan amalan mediasi dari perspektif Hukum Syarak dengan merujuk kepada konsep-konsep umum yang dijelaskan di dalam al-Qur'an, hadith dan pandangan para ulama fiqh terdahulu tentang adanya aspek-aspek yang boleh dimanfaatkan dalam mengembangkan fiqh Islam.
4. Menjelaskan tentang kedudukan amalan penyelesaian pertikaian dalam hal-hal kekeluargaan di kalangan masyarakat Melayu, dengan mengambilira perkembangannya dari zaman sebelum merdeka sehingga beberapa dekad selepas kemerdekaan, untuk menunjukkan adanya pendekatan tertentu dalam menyelesaikan pertikaian di kalangan masyarakat tersebut yang berbeza dengan sistem pengadilan konvensional.
5. Menilai peruntukan sulu dalam EKPMS 1991(ETMMS(S) 2003) dan KTM(S) 2001 dengan beberapa kelemahan dan kekuatan dalam peruntukan tersebut, khususnya setelah ia mula berkuatkuasa di samping menjelaskan perbezaan dan

- persamaannya dengan konsep sulu yang diperincikan oleh para juris klasik dan kontemporari.
6. Menganalisis aplikasi sulu dengan merujuk kepada prosedur yang digunakan bagi mengendalikan Majlis Sulu, kes-kes sulu yang telah diputuskan dan pendekatan-pendekatan yang dipakai oleh Pegawai Sulu dalam menentukan pencapaian sulu.

#### **1.4.Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bagi membantu pihak berkuasa agama di peringkat negeri dan persekutuan untuk mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan sulu dan seterusnya menentukan pelaksanaan sulu yang menepati kehendak dan prinsip yang ditetapkan oleh Islam

Kajian ini juga penting untuk memberi maklum balas kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor khususnya, mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam peruntukan sulu dan pelaksanaannya, seterusnya memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut dan juga mengemaskini peruntukan yang sedia ada bagi melicinkan lagi proses penyelesaian kes.

Berdasarkan kenyataan tentang perlunya perubahan asumsi masyarakat umum terhadap proses penyelesaian kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah supaya lebih bersifat kekeluargan maka kajian ini diharapkan akan memberi penjelasan yang komprehensif tentang konsep sulu dan kesesuaian pelaksanaannya di Malaysia. Ia

juga akan dapat memperjelas tentang keunggulan dan keistimewaan sulu sebagai suatu metod untuk menyelesaikan pertikaian keluarga.

### **1.5. Skop Kajian**

Analisis tentang konsep sulu dan pelaksanaannya difokuskan kepada beberapa skop perbincangan berikut:

Perbincangan tentang sulu dan prinsip-prinsip pemakaianya dirujuk kepada kitab-kitab fiqh, tafsir serta hadith dan kemudiannya difokuskan kepada pemakaianya dalam aspek kekeluargaan. Ia bertujuan untuk menghasilkan satu penjelasan tentang konsep sulu kekeluargaan yang menepati prinsip-prinsip dalam Islam. Perbincangan juga tertumpu kepada beberapa kaedah pencapaian sulu seperti *taḥkim*, *wasāṭah*/mediasi dan *wakālah*. Perbincangan ini dibuat untuk menilai sejauhmanakah kaedah mediasi yang digunakan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor juga boleh diklasifikasikan dalam kategori tersebut.

Perbincangan juga difokuskan kepada adat dan amalan dalam masyarakat Melayu yang memberi penekanan agar sebarang pertikaian yang timbul dapat diselesaikan dalam kondisi yang harmoni dan cenderung menggunakan pendekatan muafakat dari kaedah pengadilan konvensional.

Analisis juga telah dibuat terhadap metod-metod yang telah diamalkan di Mahkamah Syariah sebelum ini seperti *taḥkim*, perundingan di antara pihak-pihak samada melalui atau tanpa Peguam Syarie serta cadangan hakim dengan

membandingkan keberkesanannya dengan pencapaian suhu menerusi kaedah mediasi.

Menurut Arahan Amalan JKSM 2002 semua negeri di Malaysia akan menggunakan Kaedah Tatacara Mal (Suhu) bagi menyelesaikan kes-kes Mal yang dikemukakan di Mahkamah Syariah. Namun demikian, secara rasminya Negeri Selangor adalah negeri pertama di Malaysia yang menggunakan KTM(S)S 2001 iaitu pada Mei 2002 dan melantik pegawai khusus yang dikenali sebagai Pegawai Syariah Gred L (Suhu) untuk mengendalikan kaedah ini. Oleh yang demikian dalam kajian ini sebagai peruntukan statutori, ia hanya difokuskan kepada kepada EKPMSS 1991 [ETMMS(S) 2003] dan KTM(S)S 2001.

Rujukan juga dibuat kepada peruntukan undang-undang yang relevan di negara umat Islam yang lain untuk menunjukkan persamaan dan perbezaan mengenai suhu yang terdapat di Malaysia amnya dan di Selangor khususnya. Walaupun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada peruntukan yang relevan sahaja tanpa memperjelaskan latar belakang kepada peruntukan tersebut kerana ia banyak bergantung kepada tempoh masa dan ruang lingkup kajian. Peruntukan undang-undang negara lain yang dirujuk ialah Singapura.<sup>12</sup>

---

<sup>12</sup> Menurut YAA Dato' Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah JKSM, Mahkamah Syariah Singapura dirujuk kerana suhu telah lama diamalkan di Singapura, oleh yang demikian mereka telah mempunyai pengalaman dari sudut pelaksanaannya. Temubual dengan YAA pada 12/2/04 jam 2.30 petang

Pemusatan kajian ini dilakukan kepada aspek prosedur penyelesaian kes-kes yang melalui kaedah suhl di JAKESS. Pemilihan JAKESS dibuat berdasarkan faktor-faktor berikut:

- a. Jabatan Kehakiman Syariah yang pertama di Malaysia mewartakan dan seterusnya melaksanakan KTM(S)S 2001
- b. Jabatan Kehakiman Syariah yang pertama melantik pegawai yang khusus (Pegawai Syariah-Suhl) bagi mengendalikan tugas-tugas pengantaraan

Pada asasnya, JAKESS merangkumi tiga struktur mahkamah iaitu Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Namun, disebabkan kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan seperti statistik kes, maka kajian ini hanya tertumpu kepada proses suhl yang diaplikasikan di mahkamah-mahkamah rendah di Selangor,

Pada prinsipnya proses suhl mencakupi semua kes-kes pertikaian semasa perkahwinan dan selepas pembubaran perkahwinan. Suhl dalam kes-kes pertikaian semasa perkahwinan dilakukan dengan tujuan untuk mendamaikan kembali (*reconciliation*) pasangan dalam rumahtangga. Dari segi amalannya proses ini dilaksanakan oleh pegawai-pegawai di Unit Rundingcara Jabatan Agama Islam negeri. Bagaimanapun kajian ini hanya tertumpu kepada penganalisan prosedur penyelesaian kes-kes pertikaian yang berbangkit dari sesuatu perceraian dan ia dikendalikan di JAKESS oleh pengantara yang dikenali sebagai Pegawai Suhl.

Oleh kerana tempoh kajian ini bermula pada Jun 2001 sehingga Jun 2004 dan kaedah ini mula dilaksanakan pada Mei 2002, maka untuk kajian kes, ia hanya akan

melibatkan kes-kes yang diputuskan sekitar Mei 2002 hingga Disember 2003. Kes-kes ini dikumpulkan dari beberapa kes mutakhir yang telah diputuskan secara sult di seluruh Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Oleh kerana proses sult bersifat “sulit dan persendirian” hanya keputusan kes sahaja yang dicatatkan dalam fail-fail kes. Oleh yang demikian fakta lengkap kes tersebut tidak dapat dikemukakan dalam penulisan ini. Untuk kes-kes berkaitan pelaksanaan sult sebelum prosedur yang baru digubal ia ditumpukan kepada kes-kes yang dilaporkan di dalam *Jurnal Hukum, Malayan Law Journal* serta kes-kes yang tidak direkodkan dan dikumpulkan dari beberapa Mahkamah Rendah Syariah di sekitar negeri Selangor seperti Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya dan Klang.

## **1.6. Metodologi Kajian**

Dalam usaha menyiapkan kajian ini penyelidik telah menggunakan beberapa metodologi penyelidikan. Pada dasarnya, metodologi kajian dalam penulisan ini terbahagi kepada dua iaitu metod pengumpulan data dan metod analisis data.

### **1.6.1. Metod Pengumpulan Data**

Dalam proses pengumpulan data penyelidik telah menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan berupa temubual dan semakan fail-fail mahkamah.

#### **1.6.1.1. Kajian Perpustakaan**

Dalam kajian ini bahan-bahan perpustakaan yang berbentuk primari dan sekondari menjadi kaedah asas dalam pengumpulan data. Pemilihan yang teliti telah dibuat terhadap bahan-bahan primari dan sekondari dan ia bergantung sepenuhnya

pada autoriti yang dimiliki oleh kedua-dua bahan tersebut. Antara sumber-sumber utama dalam kedua-dua bahan tersebut ialah sumber dari: pengajian quran seperti *al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb*, karangan al-Fakhr al-Rāzī, al-Kassyyāf karangan al-Zamakhsyārī dan *Rūḥ al-Ma'āni* karangan al-Alūsi, pengajian hadith seperti *Sunan al-Nasā'i*, *Al-Jāmi'e al-Ṣaḥīḥ (Sunan al-Tarmidhī)* dan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, penulisan-penulisan yang dihasilkan para juris terdahulu seperti al-Kāsānī dalam karangannya *Badā' al-Ṣanā'i fi Tartīb al-Syarā'i*, Ibn Qudāmah dalam karangannya *al-Mughnī*, al-Nawāwī dalam *al-Majmū'* dan Ibn Rusyd dalam *Bidāyāt al-Mujtahid wa Nihāyāt al-Muqtaṣid*. Bahan-bahan kajian yang dihasilkan oleh sarjana barat yang menyentuh persoalan alternatif penyelesaian perikaihan (ADR) secara umum dan bahan-bahan kajian yang menyentuh kaedah mediasi secara khusus seperti *-Alternative Dispute Resolution, ADR Principles and Practice, Constructive Conflict Management: Asia Pacific Cases* dan *Mediation: A Comprehensive Guide To resolving Conflicts Without Litigation* Kajian dan penulisan yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana Malaysia yang dianggap dapat memberikan gambaran yang lebih tepat tentang pengamalan atau budaya penyelesaian pertikaian keluarga di kalangan masyarakat Melayu seperti *Managing Marital Disputes in Malaysia* karangan Sharifah Zaleha, bahan-bahan berbentuk serial merangkumi jurnal akademik, majalah, akhbar dan bibliografi yang terpilih di dalam bidang yang dikaji. Disertasi dan penyelidikan akademik yang dihasilkan oleh institusi pendidikan dalam dan luar negeri, kertas laporan, kertas kerja dan fail-fail pentadbiran dan yang terpenting laporan kes-kes sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, laporan dan butiran pentadbiran Undang-undang Prosedur Mal di peringkat Persekutuan dan Negeri Selangor yang membabitkan pelaksanaan sulh.

Untuk mendapatkan data-data kajian yang lebih seimbang dan bersesuaian dengan konteks kajian di Malaysia kaedah kajian lapangan turut digunakan. Kaedah kajian lapangan menggunakan dua kaedah khusus iaitu temubual dan borang maklumat kes.

#### **1.6.1.2 . Temubual**

Temubual merupakan satu cara pengumpulan data yang lazim digunakan secara meluas oleh para pengkaji terutama dalam kajian kes. Temubual digunakan untuk mengumpul data diskriktif daripada responden untuk membolehkan penyelidik membentuk pengertian dan kefahaman mendalam mengenai penafsiran sesuatu aspek. Pada prinsipnya aktiviti temubual ini diklasifikasikan kepada dua bahagian:

##### **i-Temubual Rintis**

Aktiviti ini dimulakan pada suku terawal penyelidikan ini bermula iaitu pada bulan Ogos 2002 hingga bulan Disember 2002. Semua Pegawai Suhu di negeri Selangor dan beberapa orang Hakim Syarie ditemubual bagi mendapatkan maklumat awal mengenai pelaksanaan sulu di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Temubual ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan mengenai penyelidikan yang dijalankan dan memohon kerjasama untuk mereka memberi maklumat-maklumat yang diperlukan kelak. Aktiviti ini telah mendapat beberapa maklumat awal tentang pelaksanaan sulu dan data-data tertentu seperti statistik kes dan maklumat pegawai berkenaan.

## **ii-Temubual Lanjutan**

Temubual lanjutan merupakan interaksi secara bersemuka antara penyelidik dengan peserta kajian secara langsung untuk mendapat maklumat mengenai pengalaman-pengalaman atau situasi-situasi yang diperhatikan.

Untuk mendapatkan maklumat-maklumat seperti kompetensi pegawai, strategi dan cara para pegawai mengendalikan majlis suh, sikap pihak-pihak semasa menjalani sesi suh dan sejauhmana kesediaan mereka melakukan kompromi dalam hak-hak yang dituntut, temubual lanjutan telah dilakukan dengan semua (10 orang) Pegawai Suh yang terlibat dengan pengendalian majlis suh.

Untuk menambahkan lagi maklumat-maklumat berkaitan pelaksanaan suh, temubual juga dilakukan dengan Pendaftar Mahkamah, beberapa orang Ketua Hakim Syarie dan Hakim Syarie di beberapa negeri di Malaysia. Aktiviti ini bermula Januari 2003 hingga Februari 2004. Temubual ini dilakukan secara terancang dengan menggunakan pita rakaman dan catitan yang kemudiannya dipindahkan dalam bentuk transkrip penulisan.

Temubual tidak berstruktur juga dilakukan untuk menghasilkan suatu keadaan yang fleksibel dan bebas dengan mengemukakan soalan-soalan yang mungkin berbangkit daripada jawapan yang diberikan oleh orang yang ditemuduga. Walau bagaimana pun beberapa soalan tertentu yang agak rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu untuk mendapatkan beberapa maklumat yang menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.

Kaedah tringulasi telah digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang terkumpul melalui temubual. Melalui kaedah ini penyelidik tidak hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh seorang Pegawai Suhu sahaja, sebaliknya merujuk kepada jawapan Pegawai-Pegawai Suhu yang lain supaya data yang diperolehi adalah tepat dan konsisten.

Temubual ini sepatutnya dilakukan bersama-sama pemerhatian turut serta (*participant observation*). Namun demikian atas sebab-sebab bahawa majlis sulu bersifat “sulit dan persendirian” (*private and confidential*) maka penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat pemerhatian turut serta terhadap proses tersebut. Pertemuan secara langsung dengan pelanggan kepada majlis sulu juga tidak dibenarkan. Oleh kerana pemerhatian serta pertemuan secara langsung dengan pelanggan majlis sulu tidak dibenarkan, demi untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai majlis sulu yang dijalankan satu borang maklumat kes yang dibentuk sendiri oleh penyelidik telah disediakan.

#### **1.6.1.3. Borang Maklumat Kes<sup>13</sup>**

Aktiviti ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang perkara-perkara yang dipersetujui untuk diselesaikan secara sulu, bagaimana persetujuan dicapai, asas-asas kompromi di antara pihak-pihak sama ada melepaskan atau mengambil haknya, status kes, sebab-sebab berjaya atau gagal dan jangkamasa penyelesaian sesuatu kes. Sebanyak 500 borang maklumat kes telah disediakan dan borang ini diagih berdasarkan statistik kes yang diputuskan dalam tempoh 2002 hingga 2003 di

---

<sup>13</sup>Lihat Lampiran : Borang Maklumat Kes

setiap mahkamah.<sup>14</sup> Sebanyak 80 borang diedarkan ke MRS Klang, MRS Hulu Langat 80, MRS Gombak Barat 60, MRS Gombak Timur 60, MRS Sepang 50, MRS Shah Alam 70, MRS Kuala Selangor 50 dan MRS Sabak Bernam 50 borang.

Penyelidik berpendapat fail-fail kes adalah dokumen yang kukuh untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang aspek-aspek yang diputuskan atau dipersetujui oleh pihak-pihak yang melalui proses suhu, tempoh atau usia kes dan bentuk-bentuk perjanjian yang dibuat. Untuk tujuan ini penyelidik telah merangka satu borang maklumat kes yang mengandungi item-item di atas untuk diisi bagi melengkapkan lagi maklumat yang diperolehi melalui temubual. Hanya kes-kes yang didaftarkan dari Mei 2002 hingga Disember 2003 sahaja terpilih sebagai sampel kajian. Begitu pun, tidak semua Pegawai Suhu di setiap mahkamah membuat catatan tentang semua perkara yang dipersetujui semasa sesi suhu dalam fail kes. Dalam hal ini penyelidik mengklasifikasikan fail-fail kes ini kepada beberapa kategori:

1. Fail kes yang mencatatkan hanya perjanjian persetujuan untuk menunaikan atau memberi beberapa hak yang dipohon kepada Plaintiff
2. Fail kes yang mencatatkan kesemua persetujuan untuk memberi dan menggugurkan beberapa hak yang dipohon oleh Plaintiff dan Defendant
3. Fail kes yang mencatatkan kesemua fakta kes termasuk perkara-perkara yang dibincangkan semasa sesi sulu

---

<sup>14</sup> Meskipun terdapat sebelas buah Mahkamah Rendah Syariah di seluruh negeri Selangor, namun berdasarkan faktor masa dan kewangan hanya lapan buah mahkamah dipilih untuk diedarkan borang tersebut bagi mewakili setiap zon di negeri Selangor iaitu utara, tengah dan selatan. MRS Sabak Bernam dan Kuala Selangor mewakili zon utara, MRS Sepang dan Hulu Langat mewakili zon selatan, manakala MRS Klang, Shah Alam, Gombak Timur dan Barat mewakili zon tengah.

Berdasarkan klasifikasi tersebut hanya fail-fail kes di bawah kategori (1) dan (2) dapat dirujuk untuk tujuan di atas dan bagi kategori (3) fail tersebut diklasifikasikan sebagai “sulit dan persendirian”. Ia adalah bagi mematuhi perkara 8, bil iii, Kod Etika Pegawai Suh Selangor iaitu “Merahsiakan segala perkara yang didedahkan di dalam Majlis Sulh” Untuk menampung kekurangan maklumat yang di perolehi dari fail kes yang boleh dirujuk penyelidik telah membuat penelitian terhadap Buku Daftar Sulh yang memuatkan catatan tentang kes-kes sulh yang dipohon. Seperti fail kes juga, buku daftar ini juga boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori :

1. Buku daftar yang mempunyai semua catatan tentang kes-kes yang dipohon, nombor kes, jenis kes yang didaftarkan, tarikh daftar kes, tarikh majlis sulh, penangguhan (jika ada), tarikh keputusan sulh dicapai, keputusan kes (berjaya/gagal), tarikh dibawa ke hadapan hakim, catatan-catatan lain yang antaranya mengandungi:
  - a. hak-hak yang dipersetujui untuk diberi oleh Defendan
  - b. hak-hak yang digugurkan oleh Plaintiff daripada tanggungjawab Defendan
  - c. perkara-perkara yang tidak dipersetujui (akan diputuskan melalui perbicaraan)
  - d. perkara-perkara yang akan dituntut kemudian
- 2.) Buku daftar yang tidak mencatatkan secara lengkap maklumat-maklumat di atas seperti tarikh daftar, tarikh dibawa kehadapan hakim, perkara-perkara yang dipersetujui dan tidak dipersetujui semasa Majlis Sulh tetapi hanya mencatatkan keputusan sulh sama ada berjaya atau gagal.

Pada asasnya buku-buku daftar ini tidak dikategorikan sebagai “sulit dan persendirian”, tetapi oleh kerana tiadanya catatan lengkap (mengenai perkara 1-a-d) telah menyebabkan maklumat berkaitan tidak dapat dikumpulkan. Oleh yang demikian, maklumat tentang perkara-perkara tersebut hanya didapati di beberapa buah mahkamah yang mempunyai catatan yang agak sempurna. Mahkamah-mahkamah tersebut ialah Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Kuala Selangor, MRS Sabak Bernam, MRS Klang, MRS Gombak Barat, MRS Gombak Timur, MRS Shah Alam dan MRS Hulu Langat. Namun agak malang apabila kesempurnaan ini didapati dalam kuantiti yang begitu terhad.

Penyelidik tidak hanya bergantung kepada buku daftar suluhan, tetapi juga telah melakukan kaedah rujukan silang dengan merujuk kepada Buku Daftar Kes Mal di setiap mahkamah untuk mendapatkan beberapa maklumat seperti tarikh-tarikh pendaftaran kes, tarikh kes dibicarakan atau dibawa ke hadapan hakim untuk diputuskan hukuman berdasarkan persetujuan bersama. Tarikh-tarikh ini diperlukan untuk mengukur usia atau tempoh diambil bagi menyelesaikan sesuatu kes. Namun demikian agak malang, kerana tidak semua kes mempunyai catatan lengkap seperti yang diperlukan, contohnya tidak dicatatkan tarikh bicara dan tidak ada tarikh daftaran kes dan lain-lain kekurangan lagi. Kekurangan ini pada asasnya menjelaskan proses pengumpulan maklumat yang diperlukan.

### **1.6.2. Penganalisisan Data**

Data-data yang diperolehi melalui temubual dan borang maklumat kes memberikan informasi yang amat penting dalam penulisan tesis ini. Kebanyakan

daripadanya tidak diperolehi dalam mana-mana bentuk penulisan. Data-data temubual pada keseluruhannya dipersembahkan dalam bentuk transkripsi penulisan dan borang maklumat kes dianalisis menggunakan frekuensi dan peratus. Pada umumnya pemakaian kaedah ini melibatkan bab kelima dan keenam. Manakala data-data lain yang diperolehi diteliti secara terperinci menggunakan beberapa kaedah penganalisisan data merangkumi:

- (1) Metod Analisis Hukum: Metod ini biasanya digunakan oleh kalangan fuqaha' di dalam membuat penelitian terhadap sesuatu keputusan hukum berdasarkan, hujah-hujah, alasan dan kaedah yang tertentu. Dalam konteks kajian ini, penelitian khusus akan diberikan kepada penafsiran para fuqaha' tentang konsep sulu secara umum dan secara khususnya dalam hal-hal kekeluargaan. Penelitian juga dilakukan terhadap penafsiran para fuqaha' tentang kaedah-kaedah bagi pencapaian sulu. Metod ini pada dasarnya digunakan dalam bab-bab kedua dan ketiga.
- (2) Analisis perbandingan: Kaedah ini membabitkan proses membuat kesimpulan melalui perbandingan samada melalui faktor persamaan atau perbezaan di dalam tema utama dengan menggunakan dua latar belakang konteks yang berbeza. Hasil perbandingan tersebut suatu rumusan dan kesimpulan telah dibuat. Secara khususnya pendekatan ini bertujuan untuk memperlihatkan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan KTM(S)S 2001 dan aplikasinya dengan prinsip sulu yang dijelaskan oleh para juris dalam sumber-sumber klasikal dan kontemporari. Pendekatan ini juga diaplikasi untuk meneliti efek pengamalan sulu sebelum dan selepas penggubalan KTMS(S) 2001, di samping

menganalisis pemakaian kaedah bagi pencapaian sulu sebelum dan selepas penggubalan KTM(S)S 2001.

- (3) Kaedah Analisis Kandungan yang bakal memilih sesuatu tema tertentu dan dalam konteks kajian ini ia diaplikasikan kepada metod pencapaian sulu yang terkandung dalam Kaedah Tatacara Mal (Sulu) Selangor 2001. Kaedah ini secara intensifnya digunakan dalam bab kelima.
- (4) Kaedah induktif dan deduktif terhadap sesuatu data yang diperolehi diaplikasikan dalam bab kedua, ketiga dan keempat. Kaedah induktif (*istiqrā'*) merujuk kepada proses membuat konklusi hukum umum yang dihasilkan dari fakta-fakta khusus, terutamanya terhadap sesuatu masalah yang tiada ketentuan nasnya daripada al-Qur'an dan hadith. Contohnya, dalam bab kedua kesimpulan telah dibuat dari data-data yang bersifat khusus mengenai konsep sulu menurut Islam kepada suatu rumusan yang bersifat umum bagi menjelaskan maksud dan tujuan murni pensyariatan sulu dalam Islam serta prinsip pelaksanaannya untuk diaplikasikan dalam penyelesaian kes-kes kekeluargaan.

Manakala dalam bab keempat pula metod ini digunakan bagi membuat kesimpulan tentang data-data khusus yang berkaitan dengan tradisi pengamalan sulu di kalangan masyarakat Melayu tradisional kepada suatu rumusan secara umum bagi menjelaskan bahawa adanya pendekatan tertentu dalam menyelesaikan pertikaian di kalangan masyarakat tersebut yang berbeza dengan sistem pengadilan konvensional. Ia juga menjelaskan bahawa transisi yang berlaku dalam kaedah penyelesaian pertikaian keluarga yang bermula sebagai kaedah tidak formal kepada kaedah litigasi

adversarial bukanlah semata-mata disebabkan oleh sikap pihak-pihak bertikai yang lebih suka berlitigasi, tetapi ia juga disebabkan oleh faktor-faktor peraturan atau undang-undang yang digunakan untuk mengawal kehidupan dan tindakan manusia.

Kaedah deduktif adalah merupakan kaedah membuat konklusi khusus dari dalil-dalil umum yang terkandung dalam fakta yang diperolehi. Dalam hal ini berdasarkan kepada data-data umum mengenai peruntukan sulu dalam KTM(S)S 2001 konklusi khusus telah dibuat tentang peruntukan tersebut dari berbagai aspek seperti definisi sulu yang tidak diperuntukkan dalam Kaedah tersebut, persetujuan sulu yang tidak mengikat kecuali selepas endosmen oleh hakim dan kes-kes yang tidak boleh diselesaikan melalui sulu. Di samping itu berdasarkan dalil-dalil umum mengenai *ta'kim*, konklusi juga dibuat tentang fungsi *hakam* sebagai pengantara dan hakim dalam kes-kes kekeluargaan.

### **1.7. Ulasan Literatur**

Pada asasnya ulasan literatur dalam bidang yang dikaji ini boleh dibahagikan kepada dua: pertama, kajian-kajian atau penulisan-penulisan yang secara khusus memfokuskan kepada konsep sulu dalam perundangan Islam dan kedua ialah kajian-kajian yang berkaitan dengan kaedah penyelesaian pertikaian (*Alternative Dispute Resolution-ADR*) dan sulu atau disebut mediasi dalam ADR telah dirangkumkan sebagai kombinasi kepada kaedah tersebut.

## i. Suhu Dalam Perundangan Islam

Pada prinsipnya perbincangan mengenai suhu dapat dirujuk dalam kitab-kitab fiqh pelbagai mazhab. Perbahasan yang sama juga terdapat di dalam semua kitab-kitab Hadith yang mana babnya disusun mengikut bab-bab dalam kitab fiqh.<sup>15</sup> Begitu juga kitab-kitab tafsir yang menafsirkan ayat-ayat berkaitan suhu.<sup>16</sup> Hampir kesemua kitab-kitab fiqh samada klasikal<sup>17</sup> atau kontemporari<sup>18</sup> memperuntukkan bab yang khusus mengenai suhu. Jika diteliti kajian-kajian mengenai suhu dalam penulisan-penulisan fiqh tradisional, fokus perbahasan tertumpu kepada suhu yang berkaitan dengan pertikaian harta, malah kesemua fuqaha' telah memperuntukkan perbahasan yang khusus mengenai suhu dalam penulisan-penulisan mereka dan ia dikenali dengan *Kitab al-Sulh* dan dibincangkan dalam bab *Mu'amalat al-Maliyyah*.

Meskipun kategori suhu yang lain disebut secara jelas namun perbahasan mengenainya tidak dikemukakan di bawah bab-bab atau tajuk-tajuk yang khusus. Suhu di antara muslim dengan non muslim dibincangkan dalam bab akad *al-Dhimmah*, *al-Amān* dan *al-Hudnah*, suhu di antara pemerintah dengan pemberontak dibincangkan dalam bab *al-Hudūd*, suhu di antara suami isteri dibincangkan dalam

<sup>15</sup>Rujuk Mālik bin Anas (1989), *al-Muwattī'*, cet.1, Beirut: Dār al-Fikr, Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sūrah (t.t) *al-Jāmi'ie al-Šaḥīḥ wahuwa Sunan al-Tirmidhī*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr. Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī (t.t) *Šaḥīḥ al-Bukhārī*

<sup>16</sup>Seperike karangan Abū 'Abd Allāh Muḥammad bñ Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (t.t) *al-Jāmi' li Abkām al-Qur'ān*, al-Qāhirah: Dār al-Bayān li al-Turāth, Muḥammad 'Alī al-Šabūnī (t.t) *Rawḍa'i al-Bayān Tafsīr Ayāt al-Abkām min al-Qur'ān*, al-Iskandariyyah: Dār 'Umar bin al-Khaṭṭāb li al-Tibā'ah wa al-Nasr wa al-Tauzī', Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī (1988), *Jāmi'e al-Bayān 'an Ta'wīl Ḥāfi al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Fikr

<sup>17</sup>Rujuk contohnya, Muḥammad 'Abd Allāh Bin Aḥmad Ibn Qudāmah (1984), *al-Mughnī*, (TTP), Dār al-Fikr, Ibn Rusyd, Abū al-Walid Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurtubī, (t.t), *Bidāyāt al-Mujtahid wa Nihāyāt al-Muqtasid*, (TTP), Dār al-Fikr, Maṇṣūr Bin Yūnus Idrīs al-Buhūti, (t.t), *Kassiyāf al-Qinā'*, (TTP), Dār al-Fikr: juz. 3

<sup>18</sup>Wahbah al-Zuḥaylī (Dr) (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 7, cet. 2, Damsyiq: Dār al-Fikr

bab *al-Nikāh Faṣl al-Taḥkim*, *al-Nusyūz* dan *al-Syiqāq* dan sulh dalam pertikaian mengenai perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan harta seperti sulh dalam jenayah membunuh secara sengaja dibahaskan dalam bab *al-sulh* dan dalam bab *al-Jināyat Faṣl Qiṣāṣ*.<sup>19</sup>

Begitu pun perbahasan dalam kategori sulh yang tersebut di atas juga disentuh dalam bab *al-sulh* jika pertikaian yang berlaku berkaitan dengan harta seperti pertikaian suami isteri mengenai maskahwin, nafkah isteri, gantian khulu' dan sulh dalam jenayah membunuh secara sengaja. Perbahasan ini dikemukakan secara selari dan seiring apabila para fuqaha' membincangkan tentang objek yang dipertikaikan (*al-muṣālah 'anhu*) atau gantian sulh (*al-muṣālah bihi/'alaihi*) atau sebagai contoh kepada perbahasan mengenai bahagian-bahagian sulh iaitu *sulh al-Iqrār*, *sulh al-Inkār*<sup>20</sup> dan *sulh al-Sukūt*.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini kategori sulh yang lain tidak dibahaskan oleh fuqaha' dalam penulisan-penulisan mereka di bawah tajuk-tajuk khusus dan tidak diperuntukkan bab-bab tertentu, tetapi ia hanya dibahaskan secara sampingan dalam bab-bab yang lain. Cuma Syeikh al-Nazzam dalam karangannya *Fatāwā al-Hindiyah*<sup>21</sup> telah mengumpulkan perbahasan-perbahasan mengenai kategori sulh

<sup>19</sup>Yasin Muhammad Yahya (1978), *op.cit.*, h. 31

<sup>20</sup>Al-Syāfi'i, Ibn Abi Laila dan Ibn Ḥazm yang tidak menerima sulh dengan *inkār* menjelaskan bahawa penolakan ini berdasarkan analogi ke atas kes suami yang menafikan khulu' yang dibuat oleh isteri, tetapi kemudiannya melakukan sulh dengan isterinya dengan suatu bayaran (harta) maka sulh tersebut dianggap tidak sah. Lihat Abu 'Abd Allāh bin Muhammād Idrīs al-Syāfi'i (1993), *al-Umm*, Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 3, h. 221, al-Imām Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī Ibn Yūsuf al-Fairūz Abādī al-Syīrāzī (t.t.), *al-Muhaḍhab* j. 1, (t.t.p): Dār al-Fikr, h. 340, Abu Muhammād 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd bin Hazm (t.t.), *al-Muḥallā*, juz. 8, (t.t.p): Dār al-Fikr, h. 160.

<sup>21</sup>Allāmāh al-Hummām Maulana al-Syeikh al-Nazzām (t.t.), *al-Fatāwā al-Hindiyah* , j. 4, h. 228-84

yang tersebut dan membincangannya di dalam bab-bab yang khusus di bawah tajuk “*Kitāb al-Sulh*”.

Dalam perbahasan di bawah tajuk “*Kitab al-Sulh*” beliau telah membahagikan perbincangannya kepada dua puluh satu bab.<sup>22</sup> Di antara bab-bab ini terdapat bab-bab yang berkaitan dengan kategori sulh yang disebut di atas iaitu bab ketiga membincangkan sulh dalam pertikaian mengenai mas kahwin, nikah, khulu’, talaq, nafkah (pakaian, makanan dan tempat tinggal).<sup>23</sup> Bab kelima membahaskan mengenai sulh dalam jenayah merampas, mencuri dan memaksa (*ikrāh*),<sup>24</sup> bab kedua belas sulh dalam jenayah (pembunuhan secara sengaja, pembunuhan tanpa niat, pembunuhan separa sengaja dan kecederaan) dan bab ke tujuh belas membahaskan sulh *Ahl al-Dhimmah* dan *al -Harbi*.<sup>25</sup>

Justifikasi kepada penulisan al-Nazzām ini ialah ia merupakan penulisan dalam bentuk kompilasi fatwa yang mengandungi pandangan-pandangan ulama mazhab Ḥanafī seperti al-Sarakhsī, al-Kāsānī, Ibnu Ābidīn, Qāḍīkhān, Abū Yūsuf, Muḥammad Ibnu Ḥasan al-Syaibānī dan lain-lain fuqaha’ Ḥanafī.. Sehubungan itu perbahasannya dibuat secara teratur dan tersusun di bawah tajuk-tajuk tertentu dengan himpunan pandangan para fuqaha’.

---

<sup>22</sup>*Ibid*

<sup>23</sup>*Ibid.*, h. 235

<sup>24</sup>*Ibid.*, h. 241

<sup>25</sup>*Ibid.*, h. 260

Begitu juga Ibn Muflīḥ<sup>26</sup> dalam karangannya *al-Mubdi'* telah mengemukakan perbahasan dalam satu fasal yang khusus tentang suluḥ atas hak-hak yang tidak berkaitan dengan harta (*al-ṣulḥ 'amma laysa bi māl*) di bawah *bab al-ṣulḥ*. Antaranya beliau telah menulis tentang amalan suluḥ terhadap hak *qisāṣ*, kesaksian dan kecurian serta hak pengaliran air atas tanah seseorang [jika suluḥ melibatkan gantian maka ia perlu mengambilkira hukum transaksi jual beli dan jika melibatkan gantian dengan pengekalan hak milik kepada pemilik tanah ia mengambilkira hukum transaksi sewaan (*ijārah*)]. Namun begitu beliau tidak menyentuh tentang suluḥ yang melibatkan suami dan isteri atas hak giliran bermalam.

Berdasarkan penelitian terhadap penulisan-penulisan para fuqaha' silam secara umumnya disimpulkan bahawa perbahasan secara ditil dan terperinci tentang suluḥ hanya terdapat dalam bab *mu'amalāt al-māliyyah* iaitu pertikaian yang berkaitan dengan mal atau harta dan penulisan ini pada dasarnya memberi fokus kepada konsep dan prinsip-prinsip asas suluḥ.

Perbincangan tradisi ini diteruskan pula oleh penulis-penulis kontemporari seperti Naziyyah Ḥammad dalam bukunya '*Aqd al-Ṣulḥ fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah* yang menjelaskan tentang konsep suluḥ dalam pertikaian komersial dikalangan mazhab-mazhab fiqh.<sup>27</sup> Manakala Yasin Muḥammad Yahyā dalam penulisannya '*Aqd al-Ṣulḥ Bayna al-Syari'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn al-Madani*' telah meluaskan perbincangannya dengan membuat perbandingan di antara peruntukan suluḥ dalam

<sup>26</sup> Abū Ishāq Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Muḥammad Bin 'Abd Allāh Bin Muḥammad bin Muflīḥ (1980), *al-Mubdi' fi Syarḥ al-Muqni'*, J. 4, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 289

<sup>27</sup> Naziyyah Ḥammād (1996), '*Aqd al-Ṣulḥ fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah*', cet. 1, Damsyiq: Dār al-Qalam

fiqh dengan peruntukan sulh dalam *Qānūn al-Madani*<sup>28</sup> yang dilaksanakan di Mesir. Qanun ini merupakan peraturan-peraturan yang mengatur urusan *Mu'amalat al-Maliyyah* (komersial) di antara individu dengan individu dan dengan institusi kewangan. Ia merupakan manifestasi undang-undang barat yang telah dilaksanakan apabila Mesir mencapai kemerdekaan dari penjajahan Britain.<sup>29</sup>

Kajian ini telah menyimpulkan bahawa peruntukan yang ada dalam fiqh sebenarnya telah mencakupi kesemua aspek sulh dalam bidang kehartaan dan ia dapat memenuhi keperluan semasa masyarakat. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa sebenarnya peruntukan mengenai sulh/mediasi dalam undang-undang sivil barat dicedok atau dinukil daripada kitab-kitab fiqh. Begitu pun ia sesuai dengan fokus kajian ini, yang mengkaji pemakaian sulh dalam hal-hal kehartaan. Di samping itu juga, kajian ini hanya membuat penilaian terhadap teks undang-undang tersebut tanpa melihat kepada aspek pelaksanaannya.

## ii. Kaedah-Kaedah Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam

Pada asasnya aspek ini tidak diberikan tumpuan yang menyeluruh dalam teks-teks klasik kerana pengkaji-pengkaji abad pertengahan lebih cenderung untuk mengukuhkan autoriti Kadi. Perbincangan dan pemakaianya juga tidak dikembangkan kerana pengaruh penjajahan Undang-Undang Barat dalam model dan institusi undang-undang dalam masyarakat Islam di Timur Tengah.<sup>29</sup>

<sup>28</sup>Salah satu syarat apabila negara-negara yang dijajah di bawah kuasa barat akan diberikan kemerdekaan ialah mereka mestilah melaksanakan undang-undang barat

<sup>29</sup>Sistem undang-undang barat lebih mengutamakan proses perbicaraan bagi menyelesaikan pertikaian

Sebahagian besar daripada kajian dalam bidang ini adalah kajian antropologi dan kebanyakannya telah dihasilkan dalam bentuk susunan artikel.<sup>30</sup> Semua kajian ini memberi fokus kepada perbezaan bentuk-bentuk kaedah penyelesaian pertikaian yang dipakai samada adjudikasi, mediasi, arbitrasi dan konsultasi yang diamalkan dalam budaya yang berbeza-beza bagi menyelesaikan pertikaian komuniti, harta, keluarga dan politik kenegaraan.

Secara jelasnya kajian ini menyimpulkan bagaimana perbezaan budaya mempengaruhi perbezaan terhadap metod yang diamalkan untuk menyelesaikan pertikaian. Kecenderungan ini menjelaskan bahawa usaha mengadaptasi teknik-teknik penyelesaian pertikaian dari negara-negara barat seperti Amerika dan Britain ke negara-negara lain tanpa mempertimbangkan faktor budaya setempat akan menimbulkan konflik silang budaya.

---

<sup>30</sup>Laura Nader (1965), *Communication Between Village and City in The Modern Middle East*, *Human Organization* Vol. 24, No.1., Spring 1965, Ithaca, N.York: Cornell University, Ralph, H. Salmi (et.al) (1998), *Islam and Conflict Resolution, Theories and Practices*, Lanham, N.York, Oxford: University Press of America. Inc., Wan Halim Othman (1996), "Community Mediation In Malaysia", dalam Fred Edmunt Jandt & Paul B Pedersen (eds), *Constructive Conflict Management: Asia Pacific Cases*, London: Sage Publication., J. E. Rothenberger (1978), "The Social Dynamic of Dispute Settlement in a Sunni Muslim Village in Lebanon" dalam Laura Nader and Harry F.Todd Jr (ed) (1978), *The Disputing Process-Law in Ten Societies*, New York: Columbia University Press, Goerge E. Irani (1999), Islamic Mediation Methods, *MERIA Journal*, Vol. 2, No.2, 1999, James A Wall Jr.& Rhonda Robert Callister (1999), "Malaysian Community Mediation" , in *Journal Of Conflict Resolution*, June 1999, Vol.43, Issue 3, John Gullick (1965), Old Values and New Institutions In Lebanese Arab City, *Human Organization* Vol 24 Num.1., Spring 1965, Ithaca, N.York: Cornell University, Samir Saleh (1986),*The Settlement Of Disputes In The Arab World: Arbitration And Other Methods—Trends In Legislation And Case Law, Arab Law Quarterly (ALQ)* , vol.1(2), Victor F. Ayoub (1965),*Conflict Resolution and Social Reorganization in Lebanese Village in Human Organization*, Vol 24 Num.1, Spring 1965, Ithaca, N.York: Cornell University, Abu-Nimer (1996), "Conflict Resolution In an Islamic Context, Some Conceptual Questions": *Journal Peace & Change*.Vol. 21, No.1, January 1996, Amr Abdalla (2001), "Principles of Islamic Interpersonal Conflict Intervention: A Search Within Islam and Western Literature", (2002), 4 *JLR* 2, Sharifah Zaleha Syed Hassan & Sven Cederroth (1997), *Managing Marital Disputes in Malaysia*, Surrey: Curzon Press.

Abu Nimer dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa terdapat beberapa aspek yang harus dipertimbangkan untuk mengaplikasikan teknik-teknik barat dalam menyelesaikan konflik di negara-negara Timur Tengah amnya dan di negara-negara umat Islam khususnya. Perkara-perkara tersebut ialah perbezaan budaya di antara timur dan barat dan perbezaan dari segi persepsi, konsep, teknik dan model penyelesaian konflik antara Islam dan barat.<sup>31</sup> Beliau mencadangkan agar para penyelidik dan pengkaji dalam bidang ini supaya merujuk kepada sumber-sumber asal untuk mengetahui bagaimana proses penyelesaian konflik menurut Islam. Beliau menjelaskan lagi bahawa terdapat dua sumber asli yang perlu dirujuk untuk tujuan ini, pertama teks-teks tentang Islam dan sejarahnya seperti al-Qur'an, hadith, amalan para sahabat dan pandangan para juris mazhab-mazhab. Adalah penting untuk membezakan tahap kehujahan kesemua sumber-sumber ini bagi menjelaskan bagaimana proses penyelesaian yang berbagai ini dikendalikan.

Sumber kedua yang boleh dirujuk oleh para pengkaji ialah masyarakat Islam itu sendiri. Sesetengah antropologis telah melakukan penyelidikan tentang proses-proses penyelesaian pertikaian dalam masyarakat Islam dari berbagai-bagai aspek, samada melihat kepada bentuk-bentuk proses penyelesaian konflik atau kepada pihak-pihak yang terlibat dengan konflik tersebut. Beliau kemudiannya mencadangkan proses suh yang diamalkan oleh masyarakat Arab khususnya dan masyarakat Islam amnya diketengahkan sebagai metod sangat kerana ia juga diamalkan oleh masyarakat barat dan disebut sebagai konsiliasi (*conciliation*) atau mediasi (*mediation*).

---

<sup>31</sup> Mohammed Abu Nimer (1996) *op.cit.*, h. 22

Amr Abdalla berkongsi pandangan yang sama apabila beliau membuat perbandingan antara konsep Islam dan Barat dalam teknik-teknik intervensi yang diaplikasi dalam pertikajian antara individu.<sup>32</sup> Beliau menyimpulkan bahawa dengan hanya mengadaptasi teknik-teknik Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif (*ADR*) dari negara-negara barat, dalam sistem perundangan di negara-negara lain (khususnya negara Islam), tanpa melihat kesesuaianya dengan kepelbagaiannya budaya dalam proses-proses penyelesaian konflik dan persepsi terhadap konflik di negara-negara tersebut, akan menimbulkan beberapa implikasi. Antaranya ialah, teknik yang berasaskan norma-norma dan nilai-nilai dalam masyarakat tersebut mungkin tidak efektif dalam masyarakat yang lain. Avruch kemudiannya menyimpulkan “...cultural aspects are crucial components of *ADR* efforts, and should not be mere modules to be added as an afterthought”.<sup>33</sup>

Di Malaysia, kajian mengenai kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian menurut Islam amat kurang dilakukan samada secara menyeluruh atau *juz'i*. Sharifah Zaleha Syed Hassan dalam kajiannya yang bertajuk “*Managing Marital Disputes in Malaysia*” telah memfokuskan perbincangan kepada proses penyelesaian konflik menurut Islam yang diamalkan dalam konteks keluarga Melayu.<sup>34</sup> Fokus kajian ini ialah kepada teknik-teknik penyelesaian konflik kekeluargaan yang dipraktikkan di Pejabat Agama Islam dan Mahkamah Syariah di dua buah daerah dalam dua buah negeri di Malaysia. Kajian ini melihat bagaimana teknik-teknik seperti arbitrase,

<sup>32</sup> Amr Abdalla (2002), *op.cit.*

<sup>33</sup> Kevin Avruch & Peter W. Black (1991) “The Culture Question and Conflict Resolution”, *Peace & Change*, Vol. 16 No. 1, January 1991, h. 22-45

<sup>34</sup> Sharifah Zaleha Syed Hassan & Sven Cederroth (1997), *op.cit.*

konsiliasi atau mediasi dan juga konsultasi diaplikasikan oleh para pengantara yang terdiri daripada kaunselor, kadi dan hakim di kedua-dua buah pejabat agama dan mahkamah di daerah itu bagi mencari penyelesaian.

Dengan menggunakan kaedah pemerhatian turut serta (*participant observation*) dan semakan kes-kes di kedua-dua pejabat agama dan Mahkamah Syariah beliau merumuskan, pada prinsipnya para pengantara seperti kaunselor, kadi dan hakim diperuntukkan fungsi yang berbeza-beza. Kaunselor mengendalikan proses perundingan, kadi menjalankan proses *ta'jil* dan hakim melaksanakan proses adjudikasi. Namun demikian, dalam pelaksanaannya kaunselor kadang-kadang bertindak sebagai mediator, kadi pula lebih selalu mencadangkan perdamaian dengan menganjurkan kompromi daripada melaksanakan proses *penta'jiman*, manakala hakim walaupun mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan hukuman lebih cenderung untuk menangguhkan perbicaraan untuk memberikan peluang kepadanya bagi memujuk pihak-pihak supaya berdamai. Beliau mendapat pertindihan fungsi yang berlaku dalam teknik-teknik penyelesaian pertikaian di kedua-dua institusi tersebut ialah kerana faktor-faktor berikut:

- (a) kecenderungan pengantara untuk memastikan tuntutan-tuntutan Syariah yang relevan supaya selari dengan kepercayaan masyarakat tentang hubungan suami isteri yang ideal atau
- (b) kecenderungan pengantara untuk menekankan konsep perdamaian dan mempertahankan institusi kekeluargaan Islam dari berlaku perpecahan

Oleh yang demikian kajian ini mendapati aplikasi kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian samada di Pejabat-pejabat Agama atau di Mahkamah Syariah lebih tertumpu kepada usaha untuk mendamaikan (*reconciliation*) pasangan dengan tujuan menyatukan kembali pasangan tersebut. Manakala pertikaian dalam hal-hal yang berbangkit dari perceraian akan diselesaikan melalui proses litigasi. Begitu pun kajian ini hanya tertumpu kepada teknik-teknik penyelesaian pertikaian demi untuk mendamaikan kembali suami isteri. Di samping itu ia telah dilakukan sebelum peruntukan undang-undang berkaitan prosedur penyelesaian pertikaian yang lebih jelas dan komprehensif digubal.<sup>35</sup>

Sebahagian lagi ialah kajian yang dilakukan dalam bidang ini ialah kajian berbentuk sosio perundangan. Seperti juga kajian antropologi ia kebanyakannya ditulis dalam bentuk artikel dan kertas kerja<sup>36</sup>

Abdul Rahman et.al. dalam karyanya *Abitrase Islam Di Indonesia* yang merupakan kompilasi kertas kerja dari Seminar Abitrase Berdasarkan Syariat Islam oleh Badan Muamalat Islam Indonesia (BAMUI) memuatkan perbincangan tentang panduan Islam mengenai tatacara penyelesaian pertikaian komersil secara damai dan

<sup>35</sup>Kenyataan ini merujuk kepada Kaerah-Kaedah Prosedur Mal (Sulh) yang baru digubal

<sup>36</sup>Mehrur Siraj (1965), "Conciliation Procedures In Divorce Proceedings" in *Ma.L.R*, Vol. 7, No. 2, Disember 1965, Mohd Naim Mokhtar (2001), "Administration of Family Law In The Syariah Courts" [2001] 3 *MLJ*, Goerge Sayen (1987) "Arbitration, Conciliation, And The Islamic Legal Tradition In Saudi Arabia", (1987) *U. Pa. J. Int'l Bus. L.* Vol. 9:2, Atty Hamid Aminoddin Barra (1994) "Conciliation, Amicable Settlement and Arbitration Under Islamic, Philipine And Customary Adat Laws: A Comparative Exposition", (1994) *DQ* Vol. X1V, Nos 3, Frank E. Vogel (2000), "Islamic Law And Legal System, Studies of Saudi Arabia" dalam Ruud Peters & Bernard Weiss (ed) *Studies In Islamic Law*, vol. 8, Leiden: Brill, Aida Othman (2002), "Introducing Alternative Dispute Resolution In Malaysia: Prospects And Challenges", [2002] 2 *MLJ*, Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader (1996), "Mediation of Legal Disputes: Wither In Malaysia dalam *INSAF, The Journal of Malaysian Bar*, Zurina Md Noor (1998), Mediation Under Islamic Law, dalam Mimi Kamariah Majid (ed) (1998), *Current Legal Problems in Malaysia*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, Abdul Rahman Salleh et.al. (1994), *Abitrase Islam Di Indonesia*, Jakarta: BAMUI

pelaksanaannya di Indonesia. Ia memberi fokus kepada bagaimana suluhan yang dicapai melalui kaedah arbitrasi boleh menyelesaikan pertikaian komersil yang timbul dalam hubungan perdagangan, industri dan perbankan di Indonesia. Secara lebih dekat buku ini cuba mengetengahkan fungsi BAMUI sebagai alternatif kepada sistem pengadilan dalam menyelesaikan pertikaian komersil secara damai.

Barra dalam artikelnya memfokuskan perbincangan kepada keunikan Code of Muslim Personal Laws of Philipines atau dikenali sebagai Presidential Decree No. 1063, yang menggabungkan tiga peruntukan undang-undang iaitu Undang-undang Islam, Undang-undang Filipina dan Undang-undang Adat. Keunikan ini dapat dilihat dalam aspek-aspek konsiliasi, penyelesaian secara persetujuan bersama (*amicable settlement*) dan arbitrasi. Proses konsiliasi dan arbitrasi di bawah PD No. 1063, dikendalikan oleh badan yang dikenali sebagai Agama Arbitration Council dan ia dibentuk khusus oleh Mahkamah Syariah Daerah di mana kes tersebut difailkan. Ini bermakna institusi ini bersifat *ad-hoc* dan kuasanya akan tamat dengan berakhirkannya proses arbitrasi.

Sayen dan Vogel pula membincangkan tentang pengamalan suluhan dalam menyelesaikan pertikaian komersial di Arab Saudi. Jennings menyimpulkan bahawa agak sukar untuk menilai aspek ijtihad dalam hukuman-hukuman yang diputuskan kerana para kadi lebih berkecenderungan menyelesaikan kes secara suluhan. Beliau menjelaskan, di Arab Saudi hampir 95% kes-kes pertikaian komersil berjaya diselesaikan secara suluhan.

Sayen dalam penulisannya mendapati badan perundangan di Arab Saudi dalam usaha menyelesaikan pertikaian-pertikaian komersil yang timbul di antara pelabur-pelabur dari barat dengan ahli-ahli perniagaan di Arab Saudi telah cuba untuk mengadaptasi kaedah-kaedah arbitrasi yang diamalkan di negara-negara barat. Usaha ini dilakukan atas alasan untuk menggabungkan metod yang ada di dalam undang-undang Islam dengan metod yang biasanya dikenali di kalangan pelabur-pelabur barat. Beliau menyimpulkan, adalah lebih efektif bagi sistem kehakiman Arab Saudi untuk merujuk kepada sumber-sumber asal Syariah (yang dimaksudkannya ialah merujuk kepada proses pencapaian sulh melalui kaedah *taḥkīm*) dalam menggubal peraturan untuk menyelesaikan kes-kes pertikaian komersil (yang berlaku di antara ahli-ahli perniagaan barat yang menjalankan bisnes di Arab Saudi) dari menggubal satu kaedah baru yang menggabungkan undang-undang arbitrasi barat dengan prosedur *taḥkīm* menurut Islam. Baginya prosedur tersebut sudah cukup sempurna dan menepati kehendak semasa berbanding peraturan-peraturan lain.<sup>37</sup>

Meskipun memberikan sumbangan yang banyak dalam memantapkan pemahaman tentang kaedah pencapaian sulh melalui kaedah arbitrasi, namun demikian penulisan-penulisan ini (Abdul Rahman et.al, Sayen dan Vogel) memberikan sepenuh tumpuan terhadap aspek pertikaian komersial dalam sektor perbankan dan perdagangan di Indonesia dan Arab Saudi. Walaupun tulisan Barra

<sup>37</sup>Institusi pengadilan di Arab Saudi sedang dalam proses menggubal peraturan berkaitan arbitrasi dan konsiliasi dalam kes-kes pertikaian komersil. Ini bertujuan untuk meyakinkan pedagang-pedagang dari negara luar terutamanya pedanggang dari negara-negara barat bahawa tuntutan mereka akan diselesaikan di bawah undang-undang atau peraturan yang sekurang-kurangnya telah dikenali atau biasa dilalui oleh pedanggang-pedanggang berkenaan. Maknanya dalam hal ini mereka cuba mengadaptasikan konsep arbitrasi barat dalam menggubal tersebut. Peraturan ini hendaklah suatu yang telah dikenali dan diamali oleh barat dan mestilah tidak jauh berbeza dengan konsep *taḥkīm* yang ada dalam undang-undang Islam. Penggabungan antara undang-undang barat dan Islam.

agak menjurus kepada proses sulu yang dicapai melalui kaedah arbitrasi dalam kes-kes kekeluargaan, namun ia hanya menjelaskan pelaksanaannya dalam konteks masyarakat Islam di Filipina.

Manakala Naim, Mehrun, Zurina dan Sharifah Zubaidah memfokuskan perbincangan kepada pelaksanaan proses konsiliasi di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia. Begitu pun penulisan ini merujuk kepada peruntukan undang-undang terdahulu iaitu sebelum penggubalan KTM(S) yang secara implisit menggalakkan penyelesaian secara damai/sulu. Kajian ini mendapati sulu telah pun diaplifikasi di semua Mahkamah Syariah di Malaysia sejak lama dahulu meskipun tanpa peruntukan dan prosedur-prosedur yang khusus. Penyelesaian secara sulu pada umumnya dicapai melalui perbincangan antara pihak-pihak, cadangan hakim atau peguam.

Oleh kerana sulu merupakan kaedah yang baru dilaksanakan di mahkamah syariah banyak kertas kerja yang ditulis untuk memperjelas dan mengetengahkan kaedah ini.<sup>38</sup> Meskipun terdapat beberapa penulisan dalam bentuk kertas kerja yang

<sup>38</sup>YAA Ketua Hakim Syarie Dato' Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman, "Sulu dan Hakam dalam Undang-Undang Keluarga Islam" kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Serantau Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita pada 9-10 Mac 1998 di IKIM Abdullah Abu Bakar (t.t) Konsep Sulu Mengikut Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Petaling Jaya, Selangor, Abu Bakar b. Hj Mod Daud (2003), "Pelaksanaan Sulu (Mediasi) di Mahkamah Syariah: Suatu Alternatif", dibentangkan di Majlis Pelancaran dan Konvensyen Rumahku Syurgaku Peringkat Negeri Melaka, Siti Noraini bt Haji Ali, "Majlis Sulu Di Mahkamah Syariah Selangor" kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Undang-Undang Kekeluargaan Islam Selangor di Kelab Shah Alam, Selangor pada 26 September 2002, Tuan Hj Mohd Naim Hj Mokhtar (2001), "Perantaraan (Mediation) Secara Islam Dan Prospek Amalannya di Mahkamah Syariah" kertas kerja Seminar Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam di IKIM pada 5-6 Nov 2001 , Tuan Hj Mohd Na'im Bin Hj Mokhtar (t.t), "Pelaksanaan Mediasi Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan" kertas yang dibentangkan dalam Bengkel Mediasi, Tuan Drs. Atras Bin Haji Mohamad Zin, "Teori Perlaksanaan Majlis Sulu di Mahkamah Syariah Selangor" kertas kerja dibentangkan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Shah Alam pada 8 Ogos 2002, YAA Tuan Hj Sallim Jasman , "Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian di Mahkamah Syariah Singapura" kertas kerja Seminar Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam di IKIM pada 5-6 Nov 2001, Siti Zalikhah Bt Md. Nor, "Ta'fikim Dalam Kes-Kes

ditulis mengenai pengamalan sulh di Mahkamah Syariah di negeri Selangor tetapi ia merupakan tulisan yang berbentuk *juz'i*, dan secara kesimpulannya penulisan yang bersifat menyeluruh mengenai pelaksanaan sulh dalam kes-kes pertikaian keluarga yang berbangkit dari sesbuah perceraian masih belum banyak diusahakan oleh pengkaji-pengkaji, baik dahulu maupun sekarang.

Berdasarkan kepada ulasan literatur di atas, meskipun perbincangan mengenai sulh telah disentuh dari pelbagai aspek, namun masih terdapat ruang yang tidak disentuh secara terperinci dalam kajian-kajian lepas khususnya dari sudut pemakaianya dalam kes-kes tuntutan yang berbangkit selepas perceraian. Fokus kajian yang dijalankan ini akan menghuraikan tentang konsep sulh dan pemakaianya dalam hal-hal kekeluargaan bagi kes-kes yang berbangkit selepas perceraian. Di samping itu ia juga akan mengenalpasti sejauhmanakah aplikasinya di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor menepati konsep sebenar yang ditentukan oleh Islam.

Meskipun kajian ini mempunyai beberapa persamaan dan pertalian secara langsung dari beberapa aspek dengan kajian-kajian yang lepas tetapi ia tidak boleh disifatkan sebagai mengulangi kajian-kajian tersebut. Perkara yang perlu dilihat ialah dari aspek penelitian dan penganalisisan dokumentasi mengenai kajian-kajian yang terdahulu dan kemudian dibentuk mengikut olahan tersendiri sesuai dengan skop, metod kajian serta difokuskan kepada lokasi kajian yang berbeza.

## **1.8. Struktur Kajian**

Kajian ini mengandungi enam bab yang didahului dengan bab yang pertama, iaitu bab pendahuluan yang mencakupi latar belakang masalah kajian, masalah kajian, kepentingan kajian, skop dan fokus kajian, ulasan literatur dan metodologi kajian.

Dalam bab kedua perbincangan khusus akan dibuat tentang landasan teori utama yang bakal mencorakkan keseluruhan kajian ini iaitu konsep suhu menurut Islam. Perbincangan ini wajar dijadikan sebagai asas sebelum pelaksanaan suhu diulas dengan lebih lanjut. Antara isu utama yang ditimbulkan ialah keperluan untuk menentukan konsep suhu dalam Islam untuk membezakannya dengan konsep mediasi yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana barat.

Berikutnya dalam bab ketiga perbincangan difokuskan tentang beberapa kaedah dalam pencapaian suhu termasuklah kaedah mediasi yang dikenali sebagai *wasāfah* dalam undang-undang Islam. Ianya perlu dijelaskan untuk memperlihatkan bahawa suhu bukan sahaja boleh dicapai melalui kaedah mediasi tetapi juga melalui kaedah-kaedah lain seperti *taḥkīm* dan *wakālah*.

Dalam bab keempat kupasan dibuat berkenaan dengan amalan penyelesaian pertikaian dalam masyarakat Melayu. Ia dimulakan dengan sorotan sejarah serta institusi yang menjadi rujukan mereka pada zaman pra kolonial, semasa kolonial dan pasca kolonial serta zaman perubahan struktur pentadbiran dan organisasi Mahkamah

Syariah. Bab ini akan tertumpu kepada perbincangan tentang kaedah yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyelesaikan pertikaian keluarga .

Bab kelima pula akan memfokuskan kepada peruntukan yang digunakan dalam mengendalikan sulu di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Analisis yang terperinci akan ditumpukan kepada aspek Kaedah Tatacara Mal (Sulh) dan Manual Kerja Sulh yang menjadi panduan kepada para pengantara atau Pegawai Sulh dalam usaha mengadakan sulh.

Akhir sekali dalam bab keenam yang merupakan bab kesimpulan akan merumuskan semua penganalisaan rapi yang dibuat sepanjang kajian ini. Ia disusuli dengan beberapa cadangan kajian untuk penambahbaikan peruntukan dan prosedur pengamalan sulh di Negeri Selangor